

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PPG 102 - Perspektif Sosial Dalam Pendidikan Di Malaysia

[Masa : 3 jam]

Arahan : Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Huraikan bagaimana dasar bahasa di sistem pendidikan kita berubah dari zaman kolonial hingga pada masa kini?
[100 markah]
2. Terangkan bagaimana peluang pendidikan bagi rakyat Malaysia bertambah dari masa penjajahan British hingga pada masa kini?
[100 markah]
3. Bandingkan falsafah pendidikan tradisionalisme dan falsafah pendidikan progresif dan sebutkan apakah perbezaan di antara kedua-dua mazhab falsafah ini. Pada pendapat anda, adakah falsafah pendidikan di Malaysia bersifat tradisional atau progresif? Beri sebab-sebab untuk menyokong pandangan anda.
[100 markah]
4. Mengikut Paul Hirst (1974), pengetahuan boleh dikelaskan kepada 7 bentuk, apakah bentuk-bentuk ilmu pengetahuan ini? Terangkan bagaimana setiap bentuk pengetahuan ini berbeza daripada bentuk yang lain? Berikan contoh-contoh mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mewakili setiap bentuk pengetahuan ini.
[100 markah]
5. Menurut Eric Hoyle (1969), apakah peranan yang utama bagi seorang guru? Apakah masalah-masalah yang biasa dihadapi oleh guru apabila memainkan peranan-peranan ini?
[100 markah]

...2/-

6. Bagaimanakah pendidikan berfungsi sebagai agensi sosialisasi? Terangkan bagaimana sekolah dapat memupuk perpaduan negara? [100 markah]

8. Bagaimanakah pendidikan digunakan sebagai 'alat-penyaring'? Terangkan bagaimana sekolah berfungsi untuk menyebarkan kebudayaan golongan elit? [100 markah]

- ooo000ooo -